



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

"SESUNGGUHNYA Kami telah menjadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya untuk Kami menguji mereka (manusia) siapakah antara mereka yang lebih baik amalannya".
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi, ayat 7)



WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.47 SUBUH 4.57 SYURUK 6.15 DUHA 6.38 ZUHUR 12.23 ASAR 3.33 MAGHRIB 6.29 ISYAK 7.39 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 103

26 OGOS 2024 / 1446 صفر 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

BERKENAN RASMIKAN PESTA KONVO UTB KE-9



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan merasmikan Pesta Konvo UTB Ke-9, 2024. - Foto : Alishahrin Haji Mumin (Lihat muka 2 hingga 3).

Jalankan tugas dengan gigih, amanah, semangat berpasukan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

GADONG, Sabtu, 24 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersabda menyeru kepada Polis Wanita yang sedang berkhidmat, untuk terus menjalankan tugas dengan gigih, amanah

dan memiliki semangat berpasukan tinggi bagi meningkatkan lagi imej polis di mata masyarakat.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dalam sabda menekankan bawaan disiplin menjadi teras dan tiang kejayaan dalam berpasukan dan harus dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan komitmen yang tinggi.

Demikian antara sabda Yang Teramat

Mulia pada Upacara Perbarisan dan Majlis Santap Pagi sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita, PPDB yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, PPDB, hari ini.

Terdahulu, YTM bersabda, PPDB telah melakar satu sejarah penting pada 4 Ogos 1974, dengan pengambilan pertama skuad Polis Wanita seramai 30 orang.

>> Muka 4

PM Malaysia tiba di NBD

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Ahad, 25 Ogos. - Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta rombongan tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam tadi bagi Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara NBD dan

Malaysia.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Menteri Pengiring dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

>> Muka 5



Berita Utama



TAZKIRAH peranan belia
serikan Malam Munajat

Muka 6



PERTANDINGAN tingkatkan
kemahiran, penghayatan,
pembacaan Al-Quran

Muka 9



MENGUTAMAKAN aspek
kebersihan capai hidup
harmoni

Muka 16



RENCANA

HOLISTIC Floodtech
inspirasi usaha anak
tempatan

Muka 20

BERKENAN RASMIKAN PESTA KONVO UTB KE-9

| 24 OGOS 2024M



TUNGKU LINK, Sabtu, 24 Ogos. - Pesta Konvo Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-9, 2024 bukan sahaja bagi meraikan pencapaian akademik para pelajarnya tetapi juga menegaskan semula peranan

SURAH AI-FATIHAH dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

UTB dalam membentuk masa depan yang lestari dan inovatif.

Sehubungan itu, Pesta Konvo UTB Ke-9, 2024 disempurnakan perasmianya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin,
Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Bangunan Fakulti Kejuruteraan, UTB dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Pendidikan dan Pemangku Pengurus Majlis UTB serta Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudiannya berkenan mengurniakan sabda Perasmian

Pesta Konvo UTB Ke-9, 2024 yang disusuli dengan laungan takbir dan Persembahan Tayangan Multimedia.

Sejurus itu, DYTM berkenan merasmikan pameran bertemakan 'Ke Arah Masa Depan Hijau dan Mampan : Pertemuan Kreativiti dan Inovasi'. Pesta Konvo tersebut turut menampilkan Persembahan Kebudayaan oleh kelab-kelab pelajar universiti, termasuk tarian tradisional Brunei, seni mempertahankan diri dan pameran budaya global yang mencerminkan kehidupan komuniti universiti yang dinamik.

Komitmen UTB terhadap pembangunan holistik pelajar turut diserlahkan melalui 45 kelab kurikulum aktif yang memupuk kemahiran dalam kepimpinan, kerja berpasukan dan komunikasi.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG

Ogos	MASIH	HARI	Safar	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	ISNIN	21	4 . 47	4 . 57	6 . 15	6 . 38	12 . 23	3 . 33	6 . 29	7 . 39	
27	SELASA	22	4 . 47	4 . 57	6 . 15	6 . 37	12 . 23	3 . 32	6 . 29	7 . 39	
28	RABU	23	4 . 46	4 . 56	6 . 15	6 . 37	12 . 23	3 . 31	6 . 28	7 . 38	
29	KHAMIS	24	4 . 46	4 . 56	6 . 15	6 . 37	12 . 22	3 . 30	6 . 28	7 . 38	
30	JUMAAT	25	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 22	3 . 29	6 . 27	7 . 37	
31	SABTU	26	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 22	3 . 28	6 . 27	7 . 37	
1	AHAD	27	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 21	3 . 28	6 . 26	7 . 36	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
32 24 °C	33 24 °C	33 25 °C
Pekan Bangar		
32 24 °C	33 24 °C	33 25 °C
Pekan Tutong		
32 24 °C	33 24 °C	33 25 °C
Kuala Belait		
32 24 °C	33 24 °C	33 25 °C

Wallahu alam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

Graduan - Antara realiti dan harapan mencari pekerjaan

SEMAKIN menghampiri hujung tahun, semakin banyak universiti yang kembali sibuk menguruskan majlis convokesyen masing-masing. Convokesyen adalah hari bahagia kepada semua graduan dan sudah menjadi lumrah buat mereka untuk mencari pekerjaan selepas bertungkus-lumus menamatkan pengajian.

Keindahan majlis convokesyen yang sentiasa menjadi impian para graduan tetapi kita perlu berpikir di bumi nyata bahawa realiti sebenar 'di luar' majlis convokesyen itu lebih merisaukan, tambahan pula bila dikaitkan dengan situasi semasa. Namun, ia adalah suatu permulaan kepada cabaran seterusnya iaitu berjuang dalam realiti dunia sebenar yang 'sukar'.

Setiap anak muda yang baru menapak dalam dunia pekerjaan sudah tentu mengimpikan pekerjaan stabil dan tawaran gaji tinggi bersesuaian dengan kelulusan yang diperoleh. Tetapi hakikatnya, peluang pekerjaan semakin mengecil sedangkan jumlah graduan yang tamat belajar meningkat setiap tahun. Alhamdulillah, dengan bertambahnya pilihan bagi para pelajar untuk menyambung pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi memudahkan mereka untuk menimba ilmu. Tetapi terlalu banyak institut pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini, antara faktor berlakunya lambakan graduan, sekali gus mewujudkan persaingan. Ini belum lagi merangkumi pelajar kita yang belajar di luar negeri.

Satu cabaran yang besar kepada graduan yang baru ingin membuka langkah ke dunia pekerjaan kerana jawatan kosong semakin terhad apatah lagi sektor ekonomi dan pekerjaan masih bergelut untuk pulih kerana ekonomi dunia yang boleh dikatakan agak merudum dengan suasana dunia yang tidak stabil disebabkan oleh bencana alam, pergolongan serta keadaan politik yang tidak menentu.

Selain itu, teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) berkembang dengan cepat dan mengubah banyak aspek kehidupan moden. Tidak mustahil suatu hari nanti AI ini akan menggantikan pekerjaan yang seharusnya dibuat oleh manusia. Secara tidak langsung ini dapat menyumbang kepada peningkatan pengangguran di luar sana.

Akibatnya, lebih ramai yang terpaksa mencari pekerjaan di luar bidang pengajian mahupun terpaksa menerima kadar upah yang tidak berpadanan dengan kelayakan. Apabila menceburti bidang pekerjaan, ramai majikan mencari graduan yang memiliki ciri-ciri penting seperti ilmu, kepakaran dalam bidang tertentu dan soft skills terutamanya kemahiran komunikasi yang melincinkan urusan.

Adalah lebih baik jika para graduan mengambil inisiatif misalnya menguasai ilmu perniagaan kerana dengan adanya kemahiran tambahan, mereka boleh membuka perniagaan sendiri, seterusnya membuka pula peluang pekerjaan kepada graduan lain. Dalam dunia serba mencabar pada hari ini, graduan itu sendiri digalakkan memiliki kemahiran tambahan dan mencipta potensi diri untuk peluang masa depan lebih cerah. - Ketua Penyuntingan (Ri)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربینکن اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 2

DYTM juga berkenan bergambar ramai bersama beberapa orang wakil pelajar UTB dan juga menerima pesambahan

daripada Majlis Perwakilan Pelajar UTB yang bertemakan, 'Map of Brunei'. Sebelum berangkat balik, DYTm berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra dengan para pelajar UTB.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah tetamu-tetamu khas dari kedutaan dan suruhanjaya tinggi dari semua negara ASEAN dan Timor-Leste, Ahli-ahli Majlis UTB, pegawai-pegawai kanan kerajaan

serta kakitangan dan pelajar UTB. Pesta Konvo diadakan setiap tahun bagi meraikan para pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan bakal menerima ijazah mereka pada



Majlis Konvokesyen UTB yang akan menjelang.

Beberapa acara telah disusun bersempena dengan Pesta Konvo UTB Ke-9, 2024 termasuk Hari Antarabangsa (Budaya) 2024; UTB Inno-Fatih; UTB-Bersamamu!; UTBerjaya; Siri Be Kind, Be Happy; Siri Pemeriksaan Kesihatan; UTB On Wheels; Minggu E-Waste Antarabangsa; dan Into the Spotlight.

Acara kemuncak Majlis Konvokesyen UTB akan diadakan pada 7 September 2024 nanti, di mana para graduan akan menerima ijazah mereka di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ketika berangkat ke Pesta Konvo UTB Ke-9, 2024 (atas dan kiri).



PAMERAN KETENGAHKAN KAEDAH LESTARI, TEKNOLOGI MESRA ALAM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berangkat ke Pameran Pesta Konvo UTB Ke-9, 2024 bertempat di Bangunan Fakulti Kejuruteraan, UTB.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin,
Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

TUNGKU LINK, Sabtu, 24 Ogos. - Bertemakan 'Ke Arah Masa Depan Hijau dan Mampan : Pertemuan Kreativiti dan Inovasi', Pameran Pesta Konvo Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-9, 2024 antara lain memperlihatkan komitmen UTB terhadap tanggungjawab alam sekitar melalui amalan

akademik yang inovatif. Tema ini juga menekankan bagaimana graduan UTB bersedia untuk memberi impak yang signifikan dalam kerjaya mereka dengan menerapkan dan memajukan teknologi mesra alam dan kaedah lestari yang telah mereka kuasai semasa pengajian.



Pendekatan ini memperkuatkukuhkan kedudukan UTB sebagai perintis dalam mengukuhkan etos kelestarian dan inovasi, menggalakkan alumni untuk memperluas had kemungkinan dalam membina masa depan yang lebih sedar alam sekitar dan lestari.

Perasmian pameran tersebut disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB, bertempat di Bangunan Fakulti Kejuruteraan, UTB, hari ini.

Pameran tersebut memaparkan lima projek pelajar yang menggabungkan kreativiti dengan penyelesaian lestari. Projek Sustainable

Refurbishment of Existing Buildings : Water Conservation oleh Dayang Nadiya binti Rozman Azmi, Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Sumber Air dan Alam Sekitar, menekankan tentang pemuliharaan air dalam pengubahsuaian bangunan; manakala Projek Smart Sustainable, Low-Cost IOT Based Waste Segregator Dustbin System oleh Dayang Syaza Aina binti Hamdani, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Rangkaian Komputer, pula menumpukan kepada menangani cabaran pengurusan sisa selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Brunei.

Sementara itu, Projek Fashion Sensitivity and Water Influence in the Sustainability of Brunei Fashion Industry oleh Dayang Hajah Safiyah Aisyah Kamilah binti Haji Mohamad Jaafar, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Reka Bentuk Fesyen dan Teknologi, menekankan tentang kesan alam sekitar dalam industri fesyen.

Projek kendalian Dayang Nur Adila Puteri binti Irwan, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Makanan dan Teknologi bertajuk 'Utilising

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa menyaksikan pameran berkenaan.

Roselle's Antioxidant and Antibacterial Properties to Enhance Meat Storage Quality' antara lain mengkaji pengawet semula jadi untuk penyimpanan daging.

Manakala Projek Tanah Maju oleh sekumpulan pelajar dari Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dan Sistem Maklumat terdiri daripada Awang Abdul Qur'ainal bin Haji Abdul Mutualip, Awang Lim Liang Hong, Awang Mohammad Aizat bin Haji Mohammad Anas, Awang Muhammad Anaz Adhlizam bin Adanan, Dayang Naiya binti Roslan dan Marilyn Tan Yee Yuen pula memfokuskan mengenai perkhidmatan analisis tanah dan konsultasi untuk membantu petani meningkatkan hasil tanaman mereka.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah juga berkenan melihat pameran di Numerical Sand Screen Modelling and Facilities Lab, sebuah projek kerjasama dengan Brunei Shell Petroleum (BSP), yang memaparkan kemajuan teknologi simulasi dalam kejuruteraan alam sekitar.

Juga turut diketengahkan ialah Pameran ASEAN Traditional Textile yang menampilkan fabrik mampan dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste.



ANTARA yang menyertai pameran berkenaan.

Jalankan tugas dengan gigih, amanah, semangat berpasukan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

>> Muka 1

Penubuhannya, sabda YTM, telah memberi peluang kepada mereka untuk berganding bahu bersama Polis Lelaki dalam menjaga keselamatan dan keamanan di negara ini.

Pada 4 Ogos tahun ini, sabda YTM, genaplah usia 50 Tahun Penubuhan Polis Wanita. Sepanjang lima dekad tersebut, jumlah keanggotaannya telah meningkat kepada 774 orang, terdiri daripada 52 pegawai dan 722 anggota pangkat rendah.

"Saya berbangga dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan perkembangan penglibatan Polis Wanita. Bermula daripada menyediakan khidmat bantu sehingga fungsi mereka

meluas kepada berbagai bidang lainnya, termasuk yang berkaitan dengan kaum wanita dan kanak-kanak," sabda YTM.

Pencapaian tersebut sabda YTM, membuktikan kemampuan dan profesionalisme Polis Wanita dalam menggalas kepercayaan yang diamanahkan dan melayakkkan mereka untuk memegang jawatan-jawatan penting dalam pasukan.

YTM seterusnya bersabda, secara amnya, Polis Wanita mampu membuktikan keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk mencapai visi dan misi pasukan demikian keselamatan negara.

Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan yang telah dicapai, kemahiran dan menaik

taraf pengetahuan perlu dipertingkatkan lagi melalui pembangunan kapasiti seperti mengikuti berbagai kursus dan latihan yang berkaitan dengan kepolisan, demi untuk menangani bermacam jenayah yang pada masa kini semakin kompleks dan canggih.

"Alhamdulillah, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan tetap komited menuju Wawasan 2035, iaitu ke arah mencapai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya serta negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan.

Kaum wanita juga diberikan peluang yang sama dalam pembangunan negara. Sehingga

kini, penglibatan Polis Wanita dalam tugas-tugas kepolisan terus berkembang secara progresif selaras dengan aspirasi negara," sabda YTM.

Dalam sabda YTM, turut menzahirkan penghargaan kepada mantan Polis Wanita. Jasa-jasa dan sumbangan mereka sabda YTM, akan sentiasa dikenang. "Mereka sedikit sebanyak telah menjadi sumber inspirasi kepada generasi masa kini," sabda YTM lagi.

Sebelum mengakhiri sabda, YTM sukcita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Ulang Tahun Jubli Emas kepada semua Polis Wanita di negara ini, sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara.

YTM juga mengucapkan settinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua Polis Wanita atas segala khidmat dan pengorbanan yang dicurahkan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berkenan mengurniakan sabda pada upacara berkenaan.

demi melaksanakan tugasannya yang telah diamanahkan.

"Sumbangan Polis Wanita sepanjang 50 tahun ini, telah meningkatkan kedudukan wanita secara keseluruhannya dalam masyarakat. Semoga segala usaha dan sumbangan ini memperoleh keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala," sabda YTM.

MEMPERINGATI SAMBUTAN JUBLI EMAS PENUBUHAN POLIS WANITA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan dan Majlis Santap Pagi sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita, PPDB (kiri dan kanan).

GADONG, Sabtu, 24 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan dan Majlis Santap Pagi sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita, PPDB, hari ini.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna di Dewan Bankuet Mes, PPDB,

SEKITAR Upacara Perbarisan dan Majlis Santap Pagi sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita, PPDB.



dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan pegawai-pegawai kanan PPDB.

Sejurus berangkat tiba, Yang Teramat Mulia menerima tabik hormat diraja dan seterusnya berkenan berangkat ke ruang legar (lobi) Dewan Bankuet Mes, PPDB.

Turut berangkat mengiringi YTM ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheheria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Pada majlis tersebut, YTM juga berkenan menandatangani Slip

Lembaran Kenang-kenangan sebelum berangkat mengikuti sesi bergambar ramai bersama dengan pegawai-pegawai kanan dan ahli jawatankuasa sambutan.

Upacara Perbarisan dan Majlis Santap Pagi sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita, PPDB turut dimeriahkan dengan memotong kek sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita dan seterusnya YTM juga berkenan menerima pesambahan yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB. Sebelum Majlis Santap dimulakan, YTM juga berkenan mengurniakan sabda bersempena dengan sambutan tersebut.

PM Malaysia tiba di NBD



Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Turut hadir mengalu-alukan ketibaan, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol

HADIR mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, selaku Menteri Pengiring dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (kiri dan bawah).

Hassan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar serta rombongan berada di negara ini selama dua hari bagi menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-25 antara NBD dan Malaysia.

Sehubungan itu, Majlis Perjumpaan Empat Mata, Majlis Penandatanganan Memorandum (MoU) dan Majlis Persantapan Tengah Hari akan diadakan Isnin, 26 Ogos 2024 di Istana Nurul Iman.

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
برunei دارالسلام

Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Tazkirah peranan belia serikan Malam Munajat



TURUT menyertai Malam Munajat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Ogos. - Program Malam Munajat yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi baru-baru ini untuk kali yang Ke-148.

Program tersebut telah mengundang Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Mohammad Shafiq Hisyamuddin bin Rosli yang juga mahasiswa Tahun 2, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA dan seterusnya memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Turut mengimarahkan Malam Munajat tersebut ialah para

penuntut dan tenaga pengajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah dari Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis, Masjid Kampung Sungai Besar, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit Mukim Kilanas, Masjid Kampung Menunggol dan Masjid Kampung Kapok serta dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat yang semuanya berjumlah 67 buah di seluruh negara.

Juga menyertai, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga serta individu yang hadir secara dalam talian dari kediaman masing-masing.

Turut serta dalam sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Selaras bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat III, Masjid Kampung Sungai Besar, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairul Azme (yang juga merupakan Ahli Alumni ITQSHHB, Pengambilan

Tahun 2004).

Seterusnya, Doa Munajat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Adee Aiman bin Haji Muhibin dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Program Malam Munajat turut diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Awang Muhammad Fuad bin Matahir dari Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Pengisian tazkirah antaranya menekankan tentang peranan belia masa kini mempunyai potensi yang sangat besar dalam mencapai matlamat pertama dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Rakyat Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya'.

Belia sekarang perlu mencontohi para sahabat, tabiin dan tabi tabiin yang mana ramai antara mereka dengan usia muda lagi sudah menjadi pakar rujuk bagi orang Islam. Oleh itu, pentingnya bagi belia untuk terus tidak putus belajar agar dapat meningkatkan ilmu, mempraktikkan ilmu dan menyebarkan ilmu yang bermanfaat.

Sebaik sahaja selesai tazkirah, Malam Munajat diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dipimpin oleh

Imam Tingkat IV, Masjid Kampung Menunggol, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Assraffy bin Haji Ibrahim (yang merupakan Ahli Alumni ITQSHHB, Pengambilan Tahun 2014) dari Masjid Kampung Menunggol.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Kapok, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Raffi bin Duming dari Masjid Kampung Kapok.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafak dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.



جایز چاچا جاپونی دالاسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ● ● ○

JANGAN MENGIKUTI KENDERAAN DI HADAPAN AWDA TERLALU RAPAT

Jalan raya akan menjadi licin semasa hujan.
Jika awda mendapat kenderaan di hadapan awda menekan brek secara tiba-tiba, awda mungkin tidak akan mempunyai masa untuk berhenti




جایز چاچا جاپونی دالاسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ● ● ○

JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

PERANAN WANITA DALAM MEMBENTUK MASA DEPAN RANTAU ASEAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan ucapan melalui video pra-rakaman semasa Sidang Kemuncak Pemimpin Wanita ASEAN Ke-3 telah diadakan di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Ogos. - Sidang Kemuncak Pemimpin Wanita ASEAN Ke-3 telah diadakan di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao, baru-baru ini. Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah menyampaikan ucapan melalui video pra-rakaman semasa sidang tersebut.

Sidang Kemuncak tersebut, yang bertemakan 'Memperkuuh Ekonomi Penjagaan dan Daya Tahan Ke Arah Komuniti ASEAN Pasca-2025', menekankan peranan penting, potensi dan kekuatan pemimpin

wanita dan semua wanita di seluruh ASEAN dalam membentuk masa depan rantau ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan menekankan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk meningkatkan sokongan penjagaan melalui inisiatif seperti Elaun Penyediaan Penjagaan yang diperkenalkan pada Oktober 2021.

Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan tanggungjawab penjaga, memastikan kualiti penjagaan yang lebih tinggi untuk mereka yang memerlukan.

Di samping itu, Yang Berhormat

juga turut menekankan akan kepentingan melabur dalam infrastruktur perkhidmatan penjagaan sosial, termasuk pembangunan rangka kerja seperti Rangka Kerja Komprehensif ASEAN mengenai Ekonomi Penjagaan, untuk mengurangkan kerja tanpa gaji.

Sukarelawan NBD memainkan peranan penting dalam menyokong kerja penjagaan, merapatkan jurang dalam sistem penjagaan formal dan memberikan sokongan kepada individu dan komuniti.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, seterusnya menambah, kepentingan mengiktiraf wanita dalam ekonomi penjagaan, keperluan dalam mengiktiraf sumbangan dan potensi mereka, adalah penting bagi membina ASEAN yang lebih kukuh, lebih penyayang, produktif dan mampu.

Seterusnya, Yang Berhormat juga merakamkan penghargaan kepada sidang kemuncak tersebut atas sokongan berterusan terhadap Rangka Kerja Komprehensif ASEAN mengenai Ekonomi Penjagaan (ACFCE), yang dirangka semasa NBD mempengerusikan ASEAN pada 2021.

Selain itu, mengalu-alukan kemajuan ke arah Deklarasi ASEAN mengenai 'Memperkuuh Ekonomi Penjagaan dan Memupuk Daya Tahan Ke Arah Komuniti ASEAN Pasca-2025'.

MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat dua Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik, iaitu Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Emiriah Arab Bersatu dan Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik Singapura.

Tuan Yang Terutama Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik Singapura, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.

Kunjungan berkenaan berlangsung di Pejabat Yang Berhormat di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang Terutama Awang Haji Ahmad dan Puan Yang Terutama Dayang Hajah Noor Qamar telah dikurniakan Surat Watikah Pelantikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ogos 2024 di Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Ogos. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat dua Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Emiriah Arab Bersatu,

MPK Sungai Bunga anjur Bazar Jualan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh dan juga Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Aktiviti Bazar Jualan, Dine Out - Street Food (bawah kanan dan atas).

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga, Tanjung Kindana

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Ogos. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga, Tanjung Kindana telah mengungkayahkan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada memperkembangkan dan meningkatkan lagi sumber perekonomian para penduduk kampung khususnya bagi pengusaha-pengusaha Satu Produk Satu Kampung (1K1P) dan peniaga-peniaga tempatan.

Sehubungan itu, MPK Sungai Bunga, Tanjung Kindana telah mengadakan Aktiviti Bazar Jualan, Dine Out - Street Food yang diadakan bermula 23 Ogos lalu sehingga 31 Ogos ini bertempat di Dermaga Diraja, ibu negara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan aktiviti tersebut baru-baru ini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang juga selaku Pemangku Penghulu

Mukim Kianggeh dan juga Ketua Kampung Subok.

Dengan adanya inisiatif seperti ini, peniaga-peniaga tempatan khususnya belia-belia yang baru sahaja berjinak-jinak dalam dunia keusahawanan atau sedang mencari pekerjaan akan dapat menjadikan platform jualan ini sebagai satu permulaan bagi mereka untuk meraih pendapatan dan seterusnya untuk memperkembangkan lagi perniagaan.

Selain itu, mendedahkan

pengusaha-pengusaha 1K1P kepada senario alam persaingan perniagaan sebenar bersama-sama dengan peniaga-peniaga tempatan yang lain dan sekali

menyediakan platform / wadah bagi pengusaha-pengusaha 1K1P untuk mempromosikan dan menjual produk keluaran mereka.

Dengan adanya inisiatif seperti ini, peniaga-peniaga tempatan khususnya belia-belia yang baru sahaja berjinak-jinak dalam dunia keusahawanan atau sedang mencari pekerjaan akan dapat menjadikan platform jualan ini sebagai satu permulaan bagi mereka untuk meraih pendapatan dan seterusnya untuk memperkembangkan lagi perniagaan.

MPK Sungai Bunga, Tanjung

Kindana melalui Syarikat MPK Sungai Bunga Management Services akan sentiasa mencari ruang dan peluang serta sokongan daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk sama-sama merealisasikan hasrat dan inisiatif ini.

Antara tujuan Aktiviti Bazar Jualan, Dine Out - Street Food ini diadakan adalah untuk mempergiatkan lagi perekonomian MPK dan

gus dapat belajar dan menimba ilmu serta pengalaman dalam dunia perniagaan.

Dalam masa yang sama, dengan adanya aktiviti seperti ini akan dapat menyemai kerjasama khususnya dalam kalangan Ahli-ahli MPK dalam mengungkayahkan apa sahaja aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan agar ia dapat dijalankan dengan penuh bertanggungjawab.

Perasmian jualan tersebut diteruskan dengan pelancaran

Produk 1K1P terbaru yang dikeluarkan oleh MPK Sungai Bunga, Tanjung Kindana iaitu Tauhu Basah dan seterusnya tetamu kehormat juga berpeluang untuk melawat petak-petak jualan yang menawarkan pelbagai produk-produk tempatan.

Orang ramai adalah dipelawa untuk mengunjungi bazar tersebut yang akan berakhir pada 31 Ogos ini bermula dari pukul 5.00 petang hingga 10.00 malam.



جائزه جي چولچا بروني داالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ● ● ○ ○ ○

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)

IN:STALL @ Youth Hub 2024 : Platform mendukung ekosistem keusahawanan belia

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Sabtu, 24 Ogos. - Sebanyak 107 buah syarikat atau vendor terdiri daripada para pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan peniaga established menyertai IN:STALL @ Youth Hub 2024 yang diadakan di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB) bermula hari ini hingga 25 Ogos 2024.

IN:STALL @ Youth Hub 2024 adalah sebuah projek keusahawanan yang dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, 2024 dengan tema 'Belia Siaga Masa Depan'.

Dalam hal ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Pusat Pembangunan Belia (PPB) menyediakan platform pop up seumpama berkenaan yang dihasilkan untuk mendukung dan memberdayakan lagi ekosistem keusahawanan belia di negara ini.

Projek keusahawanan berkenaan turut dijajakan dan merupakan sebagai salah satu projek pelatih PPB, iaitu Student Entrepreneurship Project (SEP) yang telah dilaksanakan secara pilot pada 2023 dan diteruskan lagi pada tahun ini.

Melalui platform berkenaan, seramai 15 pelatih PPB daripada Program Pembangunan Belia sesi 2024 yang terpilih akan menyelaras projek berkenaan secara kolaborasi bersama rakan strategik pusat berkenaan, iaitu Futurebrands melalui Vigorous Youth Event Management.

Antara lain inisiatif perlaksanaan platform keusahawanan tersebut adalah bagi menyahut tuntutan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, 2024 yang ingin melihat lebih banyak golongan belia di negara



MAJLIS Pelancaran Projek IN:STALL @ Youth Hub 2024 disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan kanan).

ini berkecimpung dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

Di samping itu, ia juga untuk mempelbagaikan lagi projek-projek keusahawanan yang melibatkan para belia dan pengusaha PMKS di negara ini agar dapat memasarkan apa jua produk serta perkhidmatan mereka kepada orang awam serta menarik minat para belia yang baharu berkecimpung dalam bidang keusahawanan agar sentiasa berdaya saing dan dalam masa yang sama sebagai galakan supaya lebih ramai lagi para belia mahu mencebur ke dalam keusahawanan.

IN:STALL @ Youth Hub 2024 telah dilaksanakan pada 17 dan 18 Ogos 2024, iaitu Edisi 1.0; pada seterusnya 24 dan 25 Ogos 2024 (Edisi 2.0), manakala pada 30 dan 31 Ogos 2024 (Edisi 3.0) pada jam 3.30 petang sehingga 10.00 malam bertempat di Hab Belia, SNHB.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Projek IN:STALL @ Youth Hub 2024 disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz

bin Haji Hamdan, yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman dan wakil dari Future Brands, Awang Yusuf Hafizan bin Muhammad Ishak yang seterusnya mengiringi tetamu kehormat majlis bagi sama-sama merasmikan majlis pelancaran berkenaan.

Projek IN:STALL @ Youth Hub 2024 merupakan sebuah projek yang dilaksanakan sebagai platform dan latihan praktikal bagi memastikan setiap pelatih PPB, Alumni PPB dan para usahawan belia di negara ini dapat menjalankan perniagaan mereka dengan sokongan padu daripada pihak PPB, KKBS dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS).

Pelbagai jenis jualan terdiri daripada para pengusaha jualan makanan dan minuman, pop-up vendor, produk seni kreatif, aksesori, Apparel dan juga Car Boot turut diadakan.

Selain itu, antara pengisian dan aktiviti-aktiviti yang dirancang di



YANG Berhormat Ahli MMN semasa meninjau beberapa jualan.

sepanjang minggu berkenaan adalah seperti aktiviti kebudayaan

menggalakkan daripada para belia dan penggunaan hab belia sebagai platform keusahawanan akan dijadikan sebagai sebuah projek tahunan bersempena Sambutan Hari Belia dan projek bulanan bagi para pengusaha belia yang ingin menjalankan perniagaan mereka.

Projek berkenaan diharapkan dapat berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang

MEMPERKUKUH ILMU PENGETAHUAN DALAM PENGURUSAN JENAZAH

Oleh : Marlina Waty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PULAI, Sabtu, 24 Ogos. - Kira-kira 18 pemangku penghulu, ketua kampung dan pemangku ketua kampung dari Mukim Berakas 'A' serta Mukim Berakas 'B' Zon 2 menyertai Kursus Fardu Kifayah Bengkel Pengurusan Jenazah yang diadakan di Masjid Kampung Pulaie.

Kursus tersebut turut disertai oleh tetamu kehormat majlis iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, selaku Ketua Kampung Belimbang.

Kursus anjuran bersama Mukim Berakas 'B' dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pulaie berkenaan dikendalikan oleh Imam Tingkat II Masjid Kampung Pulaie, Awang Haji Muhammad Nuralif bin Haji Talib.

Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Hamidi bin Haji Abdul Wahid, yang juga selaku Ketua Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan menjelaskan bahawa objektif program berkenaan adalah untuk memperkaya dan memperkukuh lagi ilmu pengetahuan para peserta dalam pengurusan jenazah agar mereka sentiasa bersiap sedia untuk tampil membantu menyempurnakan jenazah.

"Di samping itu juga, pelaksanaan pengurusan jenazah itu merupakan salah satu Fardu Kifayah.

"Justeru, mengetahui dan mempelajarinya menjadi kewajipan setiap individu tersebut," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Kursus berkenaan memfokuskan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Belimbang (atas) turut menyertai kursus berkenaan, manakala gambar kiri, sekitar kursus anjuran bersama Mukim Berakas 'B' dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pulaie berkenaan dikendalikan oleh Imam Tingkat II Masjid Kampung Pulaie, Awang Haji Muhammad Nuralif bin Haji Talib.

kepada pembelajaran teori dan praktikal pengurusan serta penyempurnaan jenazah.

Semasa kursus berkenaan, para peserta berkesempatan

mempelajari cara penyediaan kain kafan, tatacara memandikan jenazah sehingga teknik mengapangkan jenazah dengan betul dan sempurna.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



PERTANDINGAN TINGKATKAN KEMAHIRAN, PENGHAYATAN, PEMBACAAN AL-QURAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ihsan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik



GADONG, Ahad, 25 Ogos. - Pertandingan Membaca Surah Al-Fatihah dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid Brunei Muara Zon 2 Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi telah berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku, pagi tadi.

Awang Muhd. Faaeq Imtiyaz bin Haji Sudirman, mewakili

Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba dan Dayang Siti Nur Areeana Marissa binti Abdul Azim, mewakili Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata muncul juara bagi Kategori A : 7 - 9 Tahun (Lelaki dan Perempuan).

Sementara itu, Awang Md. Fawwaz Hijazi bin Md. Khairul Azib, mewakili Balai Ibadat



Kampung Mata-Mata dan Dayang Nur Husnina Ameerah binti Haji Sudirman, mewakili Masjid RIPAHS, Kampung Rimba muncul juara bagi Kategori B : 10 - 12 Tahun (Lelaki dan Perempuan). Kesemua mereka bakal mewakili Zon 2 untuk berentap pada peringkat akhir yang akan diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, 27 Ogos nanti.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Lawi bin Haji Lamat selaku Ketua Kampung Subok.

Pertandingan adalah kali kedua dianjurkan oleh Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku yang diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan penghayatan kanak-kanak

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para penerima (kiri sekali dan kiri).

terhadap pembacaan dan hafazan Al-Quran selain untuk melahirkan generasi muda yang lancar dan sempurna membaca Al-Quran serta menjadikannya sebagai amalan harian.

Di samping itu, pertandingan seumpamanya juga bertujuan menggalakkan kanak-kanak cekik Al-Quran dan menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum.

Acara juga diharap dapat mengeratkan silaturahim khususnya dalam kalangan para peserta dan mendidik mereka untuk lebih mencintai serta menghayati Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Penyertaan sebelum ini dibukakan kepada pelajar yang berdaftar di Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid-masjid di bawah Kawasan Zon 2 Daerah Brunei dan Muara.

Mempromosikan kepelbagaian cita rasa makanan Jepun

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SALAMBIGAR, Sabtu, 24 Ogos. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama OneCity Shopping Centre dan Japan Foundation telah menganjurkan Pesta Makanan Jepun 2024 bertempat di OneCity Shopping Centre, Salambigar, bermula hari ini sehingga Ahad, 25 Ogos 2024.

Majlis tersebut diadakan adalah bersempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Jepun Ke-40 Tahun dan dihadiri oleh Chargé d'Affaires of the Embassy of Japan, Suda Atsushi dan Managing Director of OneCity Shopping Centre, Tan Kah Boon (kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang menjual makanan Jepun.

Sebanyak 23 vendor tempatan dan luar negara yang menjual pelbagai jenis produk Jepun

termasuk makanan dan minuman tradisional serta moden telah menyertai Pesta Makanan Jepun 2024 yang merupakan kali pertama diadakan di NBD.

Pesta selama dua hari tersebut menampilkan Persembahan Pembuatan Makanan Tradisional Jepun bagi memperkenalkan cara tradisional membuat masakan Jepun serta cara membuat makanan Jepun melalui origami.

Acara perasmian diserikan dengan persembahan dan demonstrasi Mochi Pounding oleh Japanese Ambassador's Chef seterusnya Persembahan Memotong Tuna (Maguro Katai) dari Yamako Pacific (B) Sdn. Bhd. manakala The Japan Council of Local Authorities for International Relations (JCLAIR)

PESTA Makanan Jepun 2024 dihadiri oleh Chargé d'Affaires of the Embassy of Japan, Suda Atsushi dan Managing Director of OneCity Shopping Centre, Tan Kah Boon (kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang menjual makanan Jepun.

mempersembahkan Sesi Origami (Origami Session).

Dengan adanya pesta seumpama ini akan dapat menarik lagi orang ramai terutama sekali para peminat makanan Jepun di mana Pesta Makanan Jepun 2024 ini dibuka dari pukul 9.30 pagi hingga 9.30 malam.



الجهات الخدمية العامة
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


TIKAM DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak memenuhi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



Menghayati Islam dengan mengamalkan kebersihan

Siaran Akhbar dan Foto : Unit Da'wah Daerah Belait



ANTARA yang menyertai Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf bersempena dengan Ial Hijrah Tahun 1446 bagi Daerah Belait yang diadakan di Taman Rekreasi Jubli Anduki (atas dan bawah). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut.

BELAIT, Ahad, 25 Ogos. - Program Hijrah Tahun 1446 yang disertai Penghayatan Islam Bersama oleh para peserta Kelas Bimbingan Muallaf bagi Daerah Belait diadakan



hari ini bertempat di Taman Rekreasi Jubli Anduki.

Acara anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal

Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Belait itu turut diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann yang juga selaku Ketua Kampung Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut, di sini.

Antara pengisian acara program ialah bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat. Dimuatkan juga nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan kemudiannya diserikan dengan

tazkirah bertajuk, 'Kepentingan Kebersihan Dalam Islam'.

Turut diadakan senaman ringan dan diteruskan dengan sesi gotong-royong Kempen Kebersihan. Objektif program adalah untuk mewujudkan iklim yang kondusif serta identiti seorang Muslim yang mengutamakan dan mengamalkan kebersihan bagi mencapai kehidupan yang harmoni.

Di samping itu, untuk meningkatkan keprihatinan dan komitmen para mualaf terhadap keindahan alam, menghargai kemudahan yang telah disediakan serta menanamkan rasa bersyukur di atas nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.



PROGRAM TINGKATKAN SEMANGAT KERJASAMA PARA MUALAF

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MUARA, Ahad, 25 Ogos. - Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf bersempena Ial Hijrah 1446 bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan pagi tadi di Pantai Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Program adalah anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) yang diadakan secara serentak di

keempat-empat daerah dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong, Unit Da'wah Daerah Belait, dan Unit Da'wah Daerah Temburong.

Objektif program adalah untuk mewujudkan iklim yang kondusif serta identiti seorang Muslim yang mengutamakan dan mengamalkan kebersihan bagi mencapai kehidupan yang harmoni.

Di samping itu, untuk meningkatkan keprihatinan dan komitmen para mualaf terhadap keindahan alam, menghargai kemudahan yang telah disediakan serta menanamkan rasa



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf bersempena Ial Hijrah 1446 bagi Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di Pantai Muara (atas). Manakala gambar atas kiri, antara yang menyertai program tersebut.

bersyukur di atas nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara pengisian acara program ialah bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat. Selain itu, program juga dimuatkan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan

Sultan', dan kemudiannya diserikan dengan tazkirah bertajuk, 'Kepentingan Kebersihan Dalam Islam'.

Turut diadakan senaman ringan dan diteruskan dengan sesi gotong-royong Kempen Kebersihan. Program Penghayatan Islam ini turut disertai oleh para peserta Kelas Bimbingan Muallaf mengikut

daerah masing-masing.

Dengan adanya program yang bermanfaat ini, diharap akan dapat meningkatkan semangat kerjasama padu antara para mualaf dan warga PDI dalam menggembangkan tenaga dan idea yang bersepada ke arah merealisasikan keberkesanan aktiviti dan program.

سرداله سري

حسن الخاتمة

همباه-همبانا ٹلواڠ انتوق مقراباکي ديري سنديري. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَلْم سورة المائدة آية ۳۹:

تفسير:

مك سيااف يع برتوبة سسوده اي ملاکوکن کجاھن ایت دان مقراباکي ديري مك سسغکوهن الله منیما توین. سسغکوهن الله مها فقامقون لاکي مها فقاپیه.

آخرین، سام-سامله کيت تروس إستقامه براوسها ملاکرکن عمل صالح دنیا این تنشا مراس جمو. جادیکن عملن کيت ساکي ساتو ڦروپسیس ڦیوجیان ديري يع برتروسن سهیٺک ڪٿغهوجوغ اوسیا تنشا مراس ڦواس دان جوکوڻ. این کران نبی ﷺ ادا پیوت دالم سبواه حدیث:

إِنَّ الْأَعْمَالَ بِالْخَوَاتِيمِ.

مقصوده:

سسغکوهن عملن ایت دنیالی ڦد فتاخیرن. {حدیث رواية إمام بخاری}

کيت بردعاء سموک کسودهن حیاہ کيت ایت نبی دنیکن کدام کولوڻن حسن الخاتمة، ديري کسمقتن برتوبة سبلوم کماتین، مندافت رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کتيڪ معهادی کماتین، مندافت کامقون الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سلفس کماتین، مندافت کبهاكیان ڦد هاري ڦريهیوڻن دان ترڅس دري سیقسأن عذاب اهي نراك دعن رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى جوا آمين يا رب العالمين.

{سورة آل عمران آية : ۱۸۵}

تفسير:

ستیاف يع برياوا اکن مراسیا ماتی. دان سسغکوهن ڦد هاري قيمة سهاجله اکن دیمفورناکن بالسن کامو. اولیه ایت، سسیاف يع ډهندن کن درقد نراك دان دماسوکن کدام شرك مك سسغکوهن دی تله برجای. دان تیادله کهیدوڻن دنیا ملاینکن هاپله کسنهن يع مقراباکن.

بارک الله لئا في القرآن العظيم، وَنَفَعَنَا بِالآياتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ تَلَوَّهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فِيَ فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَاجِهَ النَّاسِينَ.

اداله برمعني مندافت کريضان دان مغفرة (کامقون) الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، دان إن شاء الله اکن برأوليہ کنجارن يع بايك دسمیش. اينله یفچیان يع دنوغکو- توغکو دفعههوجوغ اوسیا.

ستیارا سپالیقون، سوء الخاتمة یاپت کسودهن يع بوروق دان هینا، اتاو کماتین دلوار یمان، اي اداله منجادی میعی غری کند یمها اورغ إسلام يع مغرتی اکن عقیقیت. کماتین اداله فریستیوا يع مناکوتکن دان مپاکتکن. کمکیسهن يع امت مندالم متمهمقیرین دساعۃ منجلع أجل بیلا مان سساؤرغ تیدق مقراباکن ديري دعن بکلن عمل صالح يع جوکوڻ انتوق معهادی اجلن کتيڪ هيدوڻ دأخیره کلک. کران ایت تردافت دعاء يع اینده انتوق دعملکن سوپاکی کيت دماتیکن دالم کادان حسن الخاتمة، یاپت: اللَّهُمَّ اخْتِمْ لَنَا بِخَيْرِ الْخَاتِمَةِ وَلَا تُخْتِمْ عَلَيْنَا بِشُوُءِ الْخَاتِمَةِ.

أرتیه:

يَا اللَّهُ، أَخْرِيْلَهُ هِيدُوْفَ كَامِي اِنْ دُغْنَ كَادَانْ حَسَنَ الْخَاتِمَةَ كَسُودَهُنْ يَعْ بَايْكَ (مَايِكَنْ كَامِي دَلْمَ لِيَهَانَ)، دَانْ جَاعِلَهُ أَعْكَلَهُ أَخْرِيْلَهُ هِيدُوْفَ كَامِي دُغْنَ كَادَانْ سُوَءَ الْخَاتِمَةَ كَسُودَهُنْ يَعْ بُورُوقَ (مَاتِي دَلْوَارَ لِيَهَانَ).

جماعه يع درجمي الله،

ادفون انثرا جارا او انتوق مندافتکن حسن الخاتمة ایت ایاله:

فراتم: ملاکوکن کطاعتن دان کنټوان کند الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان منیغکنکن سکل لارغنن.

کدوا: ستیاس موهون دعاء کند الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن برسگکوهه سعکوهه اکن فتاخیران کهیدوڻن کيت دالم کادان بريان دان برتووي. انثرا دعاء يع سباپکن کيت عملکن ایاله سفتر دعاء يع سریع کيت باچ سلس سمهیج، یاپت: (سورة آل عمران آية : ۱۹۳)

تفسیر:

يا توهن کامي امقونکله باکي کامي دوسا- دوسا کامي، هاوسکنله کساهن-کساهن کامي دان ماتیکنله کامي برسام اورغ- اورغ يع بريان دعن سپن-برن لاكی طاعة (نبی- نبی دان اورغ- اورغ يع صالح).

کتيڪ: ستیاس براوسها مباباکي ديري سعاد ظاهر اتو باطن، دستقیع منجاد هوبوڻن کيت دعن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان جوک هوبوڻن کيت سسام مخلوق الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

کامقت: هندقله ستیاس برتوبة، مپسالي دان مغانصاپی سکل کسیلافن سرت برعم انتوق تیدق اکن مغاوري لاكی کساهن يع دلاکوکن. سسغکوهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت مها ڦایا، مها فقامقون لاکي مها فقاپیه، ستیاس مپریکن

جماعه يع درجمي الله،
برتووى له کيت کحضرۃ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیغکنکن کلماں کفدن.

سسغکوهن اورغ يع فالیع مليا دسمیا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ يع فالیع برتووى. موډه-موډهن کيت منجادی إنسان يع ستیاس مغایغی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله کجیان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیره.

جماعه يع درجمي الله،

ستیاف يع برياوا ٹسمی اکن مراسیا ماتی دان تیدق اد يع تاهو بیلا ای اکن ترجادی. سسغکوهن ماتی اداله کنټوان دان رهسیا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يع قیسی اکن برلاکو. ماتی برمقصود ترقوتوسن هویوڻن دان تارا روح دان جسد، اي اداله تدقیق فرمولان ماماسوکی عالم بېڙن دان ستروسن مولاکن فرجانن کعام اخیره. مک ائبیل سمی وقو دان ساعتن تیبا، اجل ایت تیدق اکن دفرجت اتاو دلیتکن والو سساعت فون.

یاعتله، بهاوا اجل ایت دانع منجمقوٹ فڈ بیلا-بیلا ماس سهاج تنشا مغیرا سام اد سساؤرغ ایت صالح اتاو درهاک، میسکن، لم، ماکیت دان توا. ماله اورغ يع کای، قوات، صیحت دان مودا ڦون تیدق اکن ترلمس درفل موت. اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الأعراف آية : ۴۴

تفسیر:

دان باکی تیاف-تیاف اومت يع (مندوستاکن رسول-رسول مریک) ایت اد اجل (باتس وقت) کبینسانن يع تله دتفکن) مک افیل دانع منجمقوٹ دافت مریک اوندورکن (کمودینکن) والو سساعت فون دان تیدق دافت فولا مریک دھلولکن.

رسول الله ﷺ دلیل حدیث بکیندا جوک مقائیور کن کيت اومتن اکن ستیاس مقراباکي مغایغی ماتی. دعن مقراباکي مغایغی ماتی، دهارف سساؤرغ اکن ستیاس مبوتات ڦریافن دعن منمہ عمل صالح دان عمل کجاجین دنیا سباکی بکلن دأخیره کتیک منموی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. درقد أبو هریرة رضی اللہ عنہ، رسول الله ﷺ برسبدا: أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَادِئِ اللَّذَاتِ يَعْنِي الْمُوْتَ.

تفسوده:

فرباکنله کامو مغایغی فرکارا يع دافت مغهیلکن کلاداں یاپت کماتین. {حدیث رواية إمام ابن ماجہ}

جماعه يع درجمي الله،

سباکی اورغ إسلام، سوده ستنتون کيت مغایغیکن دان برهارف اکن کيت دماتیکن دالم کادان حسن الخاتمة یاپت کسودهن يع بايك، اتاو ماتی دالم یمان يع منجادی جینا-جینا سموا اورغ إسلام. ماتی دالم حسن الخاتمة

دعاء ممohen كفـد الله سقـاي قـرـسلامـة

درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۴.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنْنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْنَاقِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَنْوَاءَ وَأَطْعَنَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطْفِكَ يَا طَيْفُ يَا حَبِّرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۴.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا لَمَّا مَاتَنَا السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يَجِدُونَ شَيْئًا مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا يَمْشَأ
وَسَعَ كُرْبَبَيْهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَنْعُودُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَفَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَعْنَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنْهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يع مباوا كبر او نتو عن ساعت بسر كقد قع عملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَّ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)



1. Bilangan Tawaran:
(114) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
To Refurbish Hassanal Bolkiah Trophy Monument at Taman Budiman

2. Bilangan Tawaran:
(124) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Roof Cleaning Service Jerudong Sports Complex

3. Bilangan Tawaran:
(131) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Supply and Install of Heavy-Duty Wind Breaker to Swimming Pool Fencing Area at Aquatic Centre, Tutong Sports Complex, Ministry of Culture, Youth and Sports

4. Bilangan Tawaran:
(132) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Kerja-Kerja Pembinaan Garaj di Hadapan Bangunan Pentadbiran Kompleks Sukan Menglait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 September 2024



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0025 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract For Plumbing And Sanitary Works In Buildings And Vicinities Of The Department Of Fisheries, Negara Brunei Darussalam For 24 Months

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
5 September 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
BBS / BPE / TI / 2024-4

Keterangan Tawaran:
Penyewaan Ruang-Ruang Gerai Makan Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND2.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
3 September 2024
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 31 / UP / 04

Tajuk Sebut Harga:
Major Repair Works To Depot Bandaran Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan Kampong Belimbing Jalan Subok Negara Brunei Darussalam

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
5 September 2024,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Bangunan Blok 1 (B1) Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Flat Perumahan Kerajaan Jalan Beribi Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan



Pejabat Wawasan Brunei Provision of Consultancy Services towards

ISO 9001:2015 Certification for Pejabat Wawasan Brunei (Brunei Vision Office), Prime Minister's Office

As part of the government's continuous efforts to drive growth and optimise operations at the strategic level, the Government of Brunei Darussalam is inviting proposals for the provision of consultancy services to ISO 9001:2015 towards obtaining a Quality Management System certified by a third-party certification body for Pejabat Wawasan Brunei.

Tender document can be purchased at **BND5.00 (non-refundable)** and payment can be made through Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) digital online and payable to "The Government of Brunei Darussalam". After the payment is made, Tenderer is required to upload / attach a screenshot of the payment and then notify by email to the following address:

Finance Unit,
Prime Minister's Office
Jalan Perdana Menteri



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 88 / 24 - 25
To Supply And Deliver Workstation And Audio Interface For Radio Recording

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 93 / 24 - 25
Supply, Delivery, Installation, Commissioning And Testing Of APT IP Codec For MOU Radio Program

Yuran Sebut Harga (Termasuk e-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 25 September 2024
Jam 2.00 Petang



Bandar Seri Begawan BB3913

Negara Brunei Darussalam

Tel. No.: +673 2220744 ext. 1009

E-mail: kewangan.jpm@jpm.gov.bn
wb2035@jpm.gov.bn

Project proposals must be submitted in a sealed envelope to the specified address not later than **2.00 PM on Wednesday, 18 September 2024**.



Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005

Saman Gantian

Dalam Mahkamah Rendah Syariah Di Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam

Kes Mal Bilangan :
KB / MRS / MAL-B / S039A / 0016 / 01-2024

Antara

Nurul Shah Ayu Wandirah binti Haji Ibrahim - Plaintiff

Dan

Pengiran Muhamad Afif bin Pengiran Said - Defendant / Respondent

Tuntutan :

Hak Penjagaan Kanak-Kanak

Kepada : Pengiran Muhamad Afif bin Pengiran Said (Defendant yang dinamakan di atas), beralamat (Alamat Terakhir) : No. 3, Simpang 355-86-19-13-4, STKRJ Tungku Teres F, Negara Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait** pada **Selasa, 29 Safar 1446H bersamaan 3 September 2024M pada jam 9.00 Pag** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas, yang mana butir-butir dalam tuntutan itu seperti dinyatakan dalam Penyataan Tuntutan yang diendorskan.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfaiklan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :

26 Muharram 1446H / 25 Jun 2024M

Meterai
Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-09

Nama Tawaran:
To Supply And Install New Fire Hydrants At Department Of Civil Aviation Areas, Brunei International Airport

Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-11

Nama Tawaran:
To Supply And Install New Hose Reel Water Line 160MM Piping At Brunei International Airport

Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-12

Nama Tawaran:
Supply Of Hose Lay Flat Type 3 and Equipments To Department Of Civil Aviation

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu
11 September 2024
Jam 2.00 Petang



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran:
UBD / RFP / 004 / 2024

Tajuk Tawaran :
Provision Of A Medical Clinic Service At Universiti Brunei Darussalam For An Initial Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 10 September 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
AVSEC / 2024-2025 / SH-03

Nama Sebut Harga:
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Di Bangunan Terminal Jabatan Penerangan Awam

Bilangan Sebut Harga:
AVSEC / 2024-2025 / SH-04

Nama Sebut Harga:
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Di Bangunan Jabatan Penerangan Awam

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh mengambil dokumen Sebut Harga:
Rabu
14 Ogos 2024

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:
Selasa
27 Ogos 2024

Tarikh Tutup:
Rabu
28 Ogos 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
AVSEC / 2024-2025 / SH-03

Nama Sebut Harga:
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Di Bangunan Terminal Jabatan Penerangan Awam

Bilangan Sebut Harga:
AVSEC / 2024-2025 / SH-04

Nama Sebut Harga:
Satu [1] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Di Bangunan Jabatan Penerangan Awam



JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 36 / UP / 07

Tajuk Sebut Harga:
Major Repair Works to Tower Tasek Lama, Pantaran Menanti and Pantaran Lukut at Taman Peranginan Tasek Lama Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
5 September 2024,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Bangunan Blok 1 (B1) Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Flat Perumahan Kerajaan Jalan Seri Beribi Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan



JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 43 / UP / 09

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract For Desludging And Cleaning Of Grease Trap And Waste Pipe System At Tamu Selera, Jalan Dato Taib Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 5 September 2024,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Bangunan Blok 1 (B1) Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Flat Perumahan Kerajaan Jalan Seri Beribi Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan



MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah Syariah Di Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
BM / MRS / P012A / P012A / 0364 / 05-2024

Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / MAL-B / S006A / 0363 / 05-2024

Antara

Sahrin bin Mohammad - Plaintiff / Pemohon

Dan

Dayang Rashidah binti Awang Mohammad Zaini - Defendant / Responden

Kepada : Dayang Rashidah binti Awang Mohammad Zaini - No. Kad Pintar : 00-124273 (Kuning), Beralamat (Alamat Terakhir) : No.99B, Kampong Pengiran Setia Negara, Negara Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara pada Rabu, 30 Safar 1446H bersamaan 4 September 2024M pada jam 9.00 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Perceraian dengan Talaq atau dengan Perintah.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
22 Zulhijjah 1445H /
29 Jun 2024M

Meterai

Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam



Makluman Tarikh Lanjutan

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
31 Julai 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa
10 September 2024
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
17 September 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 13 / 2024

Nama Projek:
Meningkatkan Tahap Keselamatan Jalan Raya

Yuran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Program tekankan kepentingan kebersihan dalam Islam



Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 25 Ogos. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong menganjurkan Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf bersempena Ilal Hijrah 1446 yang diadakan di keempat-empat daerah, hari ini.

Di Daerah Tutong, program

tersebut diadakan di Pantai Seri Kenangan dan hadir selaku tetamu kehormat pada program berkenaan ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Antara pengisian Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf ialah bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat. Seterusnya nyanyian

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan kemudiannya diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Kepentingan Kebersihan Dalam Islam' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, PDI, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid.

Turut diadakan senaman ringan dan diteruskan dengan sesi gotong-royong Kempen Kebersihan. Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf ini turut disertai

oleh para peserta Kelas Bimbingan Muallaf, Daerah Tutong. DI Daerah Tutong, Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf diadakan di Pantai Seri Kenangan dan hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman (kiri), manakala gambar atas, antara yang hadir pada kempen tersebut.

serta menanamkan rasa bersyukur di atas nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan adanya program yang bermanfaat ini, diharap akan dapat meningkatkan semangat kerjasama padu antara para mualaf dan warga PDI dalam mengembangkan tenaga dan idea yang bersepada ke arah merealisasikan keberkesanan aktiviti dan program.

MENGUTAMAKAN ASPEK KEBERSIHAN CAPAI HIDUP HARMONI

Siaran Akhbar dan Foto : Unit Da'wah Daerah Temburong



SEKITAR Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf bersempena dengan Ilal Hijrah Tahun 1446 bagi Daerah Temburong yang diadakan di Balai Ibadat Kampung Semabat (atas, kanan dan bawah).

TEMBURONG, Ahad, 25 Ogos. - Objektif Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf bersempena dengan Ilal Hijrah Tahun 1446 adalah untuk mewujudkan iklim yang kondusif serta identiti seorang Muslim yang mengutamakan dan mengamalkan kebersihan bagi mencapai kehidupan yang harmoni.

Di samping itu, untuk meningkatkan keperihatinan dan komitmen para mualaf terhadap keindahan alam, menghargai

kemudahan yang telah disediakan serta menanamkan rasa bersyukur di atas nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Temburong menganjurkan program berkenaan yang juga diadakan secara serentak di keempat-empat

daerah, pagi tadi.

Program Penghayatan Islam Bersama Muallaf bersempena dengan Ilal Hijrah Tahun 1446 bagi Daerah Temburong telah diadakan di Balai Ibadat Kampung Semabat.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Penghulu Zon 2 (Mukim Amo dan Mukim Bokok) / Ketua Kampung Rataie, Awang Khairul Anwar bin Haji Juma'at.

Antara pengisian acara program ialah bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan

Doa Selamat. Dimuatkan juga nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan kemudiannya diserikan dengan tazkirah bertajuk, 'Kepentingan Kebersihan Dalam Islam'.

Turut diadakan senaman ringan dan diteruskan dengan sesi gotong-royong kebersihan. Program

Penghayatan Islam ini turut disertai oleh para peserta Kelas Bimbingan Muallaf dan program diharap akan dapat meningkatkan semangat kerjasama padu antara para mualaf dan warga PDI dalam mengembangkan tenaga dan idea yang bersepada ke arah merealisasikan keberkesanan aktiviti dan program.



SEBAHAGIAN yang menyertai sesi gotong-royong berkenaan.

KHATAM AL-QURAN RAIKAN PESERTA PROGRAM 1M1J

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Kumpulan Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam



TUNGKU LINK, Ahad, 25 Ogos. - Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Satu Minggu Satu Juz (1M1J) Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun telah diadakan di Masjid UBD, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Unit Program Ta'zeez al-Lughah Al-'Arabiyyah Bi Madaris al-'Arabiyyah, Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Hajah Norasimah binti Haji Latip.

Majlis tersebut menyaksikan seramai 60 orang Muslimah masjid mengikuti program berkenaan dan majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar serta Selawat Tafrijiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, bacaan surah-surah lazim dan diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam.



KETUA Unit Program Ta'zeez al-Lughah Al-'Arabiyyah Bi Madaris al-'Arabiyyah, Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Hajah Norasimah binti Haji Latip hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Satu Minggu Satu Juz (1M1J) Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78 Tahun (kiri dan atas).

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban seterusnya diikuti dengan penyampaian sijil khatam dan diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Awang Haji Ahmad Tarmizi bin Haji Md. Daud.

Tujuan majlis antara lain untuk mengimarah dan menghidupkan masjid serta menyedarkan masyarakat terhadap kewajipan

dan tanggungjawab mengamalkan nilai keislaman dalam kehidupan sehari-hari.

Melalui majlis ini juga dihasratkan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan pengimaran masjid dalam kehidupan dan melatih masyarakat untuk membaca ayat-

suci Al-Quran dengan baik di samping memberi pendedahan akan kepentingan menguasai serba sedikit ilmu tajwid.

Justeru, dengan adanya majlis tersebut dapat menjadi perintis dalam melahirkan masyarakat yang berterusan dalam pengamalan amalan seperti yang dihasratkan.

Operasi Kabat tahun 2 warga asing

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPERASI Kabat 93 / 2024 yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengukuasa Undang-undang Bandar Seri Begawan di dua buah sasaran lokasi iaitu bilik-bilik sewa di Mukim Pengkalan Batu dan juga sebuah kedai di Mukim Gadong 'A' (kiri dan bawah kiri).


Pengukuasa Undang-undang iaitu Operasi Kabat 93 / 2024 telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengukuasa Undang-undang Bandar Seri Begawan di dua buah sasaran lokasi iaitu bilik-bilik sewa di Mukim Pengkalan Batu dan juga sebuah kedai di Mukim Gadong 'A'.

Hasil daripada operasi itu, pihak JIPK telah melakukan pemeriksaan terhadap sembilan orang warga asing dan dua orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengukuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Seorang daripada warga asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh dan juga kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam pasport.

Manakala seorang lagi, dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam pasport.

Pihak JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Ogos. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah menjalankan beberapa operasi dan bergerak aktif dalam usaha memastikan undang-undang di negara ini terus dipatuhi. Sehubungan itu, Operasi

جائز سکبی چوچا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ○○○○○

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBASAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

f bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

جائز سکبی چوچا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ○○○○○

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

IMBASAN MINGGUAN



PEMBUKAAN semula Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Temburong.
- Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA yang menghadiri Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang diadakan oleh Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN yang hadir pada sesi taklimat pra-berlepas bagi pelajar yang akan melanjutkan pengajian mereka ke Kanada bagi Sesi Akademik 2024-2025 bertempat di Hotel Radisson di ibu negara. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA aktiviti yang berlangsung semasa Uniklearn Amazing Race yang julung kalinya diadakan anjuran An-Nur Harapan dengan sokongan oleh Imagine Sdn. Bhd. dan Peak Performance Sdn. Bhd., berlangsung di Peak Club. - Foto : Azmah Haji Ahad.



Praktikkan amalan lebih mesra alam

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan 'The Paku Project'

SALAH satu masalah yang dihadapi oleh mana-mana negara sekalipun di dunia adalah isu pembuangan sampah. Ini tidak terkecuali dengan Negara Brunei Darussalam. Di negara ini, tapak pelupusan sampah adalah terletak di Sungai Paku, Daerah Tutong. Mengikut perkongsian Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan, tapak berkenaan akan mengalami over capacity menjelang tahun 2030.

Menyedari hal itu, sekumpulan lima pegawai muda dari pelbagai kementerian yang menyertai Program Eksekutif Muda (Cohort 9) YEP9 melahirkan 'The Paku Project' yang menyeru orang ramai untuk lebih peka tentang situasi di Sungai Paku dan mengingatkan orang ramai untuk lebih proaktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti harian yang mesra alam supaya boleh memberi impak yang positif kepada keadaan di Sungai Paku.

Selain itu, 'The Paku Project' juga adalah satu inisiatif untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam yang Ke-26 pada tahun 2010 yang mana antara lain baginda bertitah :

"Satu lagi keperluan dalam usaha kita membangun negara ialah keadaan alam sekitar. Tidak ada maknanya pembangunan pesat jika alam sekitar terjejas teruk. Kerana kita juga terus memerlukan tanah yang subur, udara yang bersih, air minum yang bersih, malah air laut yang bersih yang tidak tercemar. Kerana inilah sumber kesejahteraan yang sebenar-benarnya".

Salah satu yang ditekankan oleh baginda dalam titah tersebut adalah mengenai tanah yang subur. Itu menunjukkan bahawa tanah yang subur boleh digunakan untuk membina perniagaan yang menjana ekonomi negara serta untuk tujuan pertanian dan juga untuk membangun rumah-rumah kediaman. Tetapi jika tanah-tanah ini sering digunakan untuk membangun tapak pelupusan atau tapak pembuangan sampah maka ianya boleh mengakibatkan kekurangan tanah yang subur. Hal inilah yang membuatkan tercetusnya idea bagi 'The Paku Project'.

Dengan visi untuk mencapai masa depan yang lestari dengan mengurangkan sampah sarap yang dihantar ke tapak pelupusan Sungai Paku, 'The Paku Project' mempunyai misi untuk meningkatkan kesedaran, mendidik dan juga melibatkan individu atau pun organisasi kerajaan maupun swasta dalam

amalan-amalan lestari yang mengurangkan impak kepada alam sekitar. Dengan ini, diharap akan dapat meningkatkan lagi kualiti kehidupan, bukan sahaja untuk generasi masa kini malahan juga untuk generasi yang akan datang.

Objektif

Sementara itu, 'The Paku Project' mempunyai beberapa objektif iaitu ingin menghidupkan semula amalan-amalan mesra alam termasuk 3R (reduce, reuse, recycle); menggalakkan tabiat yang lebih baik dalam pengurangan sisa; memperkasakan belia dengan pengetahuan tentang amalan mesra alam dan menjadi pemangkin perubahan yang akan berkembang ke seluruh negara. Dalam hal ini, satu inisiatif 'The Paku Project' adalah untuk mendedahkan orang awam kepada perkhidmatan-perkhidmatan kitar semula yang sedia ada di negara ini antaranya melalui jerayawara 'Green Week'.

'Green Week'

Dalam menjayakan objektif kumpulan ini, 'The Paku Project' telah melaksanakan satu inisiatif 'Green Week' di Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, pada Selasa 13 Ogos 2024 hingga Jumaat 15 Ogos 2024 yang lalu. Inisiatif ini memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai perkhidmatan-

perkhidmatan kitar semula yang sedia ada di negara ini di mana semasa 'Green Week' itu diadakan orang ramai berpeluang menghantar bahan-bahan yang boleh dikitar semula seperti kertas, minyak masak, perabot-perabot yang tidak digunakan lagi, botol-botol plastik termasuklah juga e-Waste yang mana bahan-bahan kitar semula itu dikumpul oleh syarikat-syarikat yang menyertai 'Green Week' dan seterusnya dibawa ke syarikat masing-masing untuk proses selanjutnya. Semasa 'Green Week' itu juga beberapa pihak berkepentingan seperti JASTRe mengongsikan kepentingan menjaga alam sekitar.

Kumpulan 'The Paku Project' berharap dengan adanya 'Green Week' ini akan dapat menyaksikan pengurangan sisa dan pembuangan sampah yang lebih teratur di negara ini serta akan timbul *mindset* atau cara berfikir dalam kalangan orang-orang *kitani* yang lebih mempraktikkan amalan yang lebih mesra alam.

Projek seumpama ini adalah selaras dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan khususnya berkenaan dengan persekitaran lestari yang bersih dan hijau. Oleh itu, marilah kita selaku rakyat Brunei yang mencintai kehijauan negara ini agar sama-sama berganding bahu memikul tanggungjawab melindungi planet bumi agar ia selamat dan selesa untuk kita dan generasi akan datang diamai.





Holistic Floodtech inspirasi usaha anak tempatan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ihsan Siti Rasyidah Haji Ismail dan Universiti Teknologi Brunei

DI Negara Brunei Darussalam, banjir sering berlaku di beberapa wilayah, terutamanya di kawasan yang bersebelahan dengan tebing sungai dan kawasan rendah disebabkan oleh aliran air yang lebih tinggi melimpah di tebing kerana hujan lebat yang berterusan dalam tempoh masa tertentu.

Justeru, dengan memperkenalkan penyelesaian pengurusan banjir yang boleh disesuaikan, ia direka untuk menangani pelbagai cabaran yang ditimbulkan oleh banjir di kawasan bandar dan luar bandar.

Holistic Floodtech ialah sistem pemantauan banjir yang dibina dan dicipta untuk menangani cabaran kompleks yang berkaitan dengan risiko banjir. Ia menyepakati pemantauan masa nyata paras air, keadaan cuaca, kualiti air dan aliran air dalam sungai terutamanya di sungai yang merupakan sumber air mentah bagi Daerah Tutong dan Daerah Brunei dan Muara.

Pendekatan inovatif ini bukan sahaja mengurangkan kejadian dan impak banjir tetapi alternatif bagi pemantauan kualiti air secara automatik dan proaktif melalui pengesahan awal demi mengurangkan potensi risiko kualiti air yang terjejas bagi keselamatan komuniti.

Di samping itu, teknologi inovatif ini juga menyediakan data dan makluman masa nyata, membolehkan tindak balas pantas dan langkah-langkah intervensi apabila perlu.

Sistem ini digunakan secara strategik dengan enam stesen pemantauan, di mana tiga stesen pemantauan telah ditempatkan di sungai hulu, tengah dan hilir di Sungai Tutong, berfungsi sebagai titik amaran utama dan tiga stesen pemantauan bagi kenaikan paras air diposisikan di tepi-tepi jalan yang mudah banjir sebagai titik amaran sekunder.

Pendekatan dwi-lapisan ini memastikan pengesahan awal dan amaran tepat pada masanya. Stesen sungai memantau perubahan kritikal, manakala stesen jalan menyediakan pengesahan tambahan, meningkatkan kesahan amaran.

Sistem ini dilengkapi dengan kedua-dua bunyi siren dan makluman melalui SMS sebagai amaran awal, memastikan penduduk dan pihak berkepentingan dimaklumkan dengan segera, sekali gus meningkatkan

kesiapsiagaan dan tindak balas terhadap kemungkinan kejadian banjir.

Projek usaha kerjasama

Pembangunan sistem Holistic Floodtech adalah merupakan usaha kerjasama antara Dayang Siti Rasyidah binti Haji Ismail sendiri bersama rakan sekerja beliau, Awang Muhammad Daniel bin Haji Abdullah.

Untuk penempatan sebenar di sungai memerlukan penyewaan bot bagi penempatan yang selamat dan dibantu oleh ayah beliau, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Haji Awang Abd. Hapidz; abang beliau, Awang Muhammad Isamuddin bin Haji Ismail serta rakan sekerjanya Awang Muhammad Daniel dalam sama-sama menangani pelbagai cabaran.

Penempatan pertama mereka sebagai ujian perintis, dilaksanakan semasa Ramadan pada tahun 2022, di mana penempatan awal itu adalah sebahagian daripada projek tahun akhir bagi Sarjana Muda dalam rangkaian komputer, meletakkan asas untuk apa yang akan menjadi sistem penting untuk komuniti kita.

Disebabkan kejayaan penempatan pertama itu, maka projek ini mendapat momentum dengan pembentangan daripada Universiti Teknologi Brunei (UTB) sebagai geran penyelidikan semasa Sarjana melalui penyelidikan, membolehkan pengembangan penempatan di tempat-tempat yang memerlukan perhatian yang kritis.

Tempoh pelaksanaan projek

Pembangunan awal projek mengambil masa enam bulan, di mana mereka perlu menjalankan aktiviti eksperimen yang meluas untuk memahami pelbagai faktor sungai, dan tempat-tempat yang mudah terjejas dengan banjir, menilai kebolehlaksanaan penggunaan dan menangani pertimbangan penggunaan kritis yang lain.

Fasa tersebut juga melibatkan temu bual pihak berkepentingan dan penduduk yang berkaitan di Daerah Tutong yang sering dilanda banjir.

Wawasan yang diperoleh daripada aktiviti ini adalah penting dalam reka bentuk sistem,

mempastikan ia disesuaikan dengan cabaran khusus yang dihadapi oleh komuniti.

Setelah kerja asas selesai, pembangunan prototaip seterusnya menjadi lebih diperkemas, dengan setiap lelaran, termasuk penggunaan, mengambil masa hanya dua hingga ke tiga minggu untuk disiapkan apabila proses menjadi lebih halus dan cekap.

Selain itu, projek ini juga mendapat sokongan luas daripada pelbagai agensi, khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Agensi-agensi ini mengiktiraf potensi sistem untuk memberi manfaat besar kepada usaha mereka dalam memantau paras air semasa banjir, mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pemantauan manual.

Dengan menyediakan data masa nyata dan amaran awal, sistem ini meningkatkan kesiapsiagaan bencana, membolehkan respons yang lebih tepat pada masanya dan meminimumkan potensi kerosakan.

Kerjasama ini menekankan kepentingan penyelesaian inovatif dalam menyokong pengurusan bencana negara dan melindungi masyarakat daripada kesan buruk banjir.

Pada 15 September 2022, projek ini menerima Anugerah Projek Terbaik dan Anugerah Kecemerlangan Universiti dari UTB, mengiktiraf kecemerlangan dan impak projek tersebut.

Oleh itu, projek ini telah dipersembahkan dan diberi pengiktirafan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB pada 23 Ogos 2022 semasa pameran projek di Pesta Konvo UTB 2022, menekankan sumbangan bernilai projek itu kepada masyarakat Brunei Darussalam.

Meneruskan trajektori ini, pada 8 Jun 2023, projek ini telah menyertai Pertandingan CIPTA (Kreatif, Produk Inovatif dan Kemajuan Teknologi) dan memenangi hadiah sagu hati. Projek ini sekali lagi mendapat perhatian dan pengiktirafan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa pameran projek di Anugerah CIPTA 2023, menekankan sumbangan

bernilai projek kepada masyarakat Brunei Darussalam.

Pada 10 Jun 2023, Dayang Siti Rasyidah binti Haji Ismail dijemput untuk menjadi penceramah panel di Seminar CIPTA yang diadakan di UTB, berkongsi pandangan, pengalaman dan inspirasi yang dapat dipelajari dan diperoleh daripada projek tersebut kepada belia-belia yang bersemangat bagi mencapai kejayaan yang sama.

Dedikasi projek ini terhadap penyelidikan dan inovasi membawa kepada penerbitan kertas kerja terbaik mengenai kesiapsiagaan bencana alam dan pengiktirafan sebagai pembentang di 'The 13th International Conference on Information Technology in Asia 2023' (CITA 23') di Malaysia pada 4 Ogos 2023.

Pada 25 September 2023, projek ini muncul sebagai pemenang dalam Kategori Tertiary di Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2023, mengukuhkan lagi statusnya sebagai keberkesan dalam inovasi teknologi.

Kejayaan ini diikuti dengan pencalonan untuk Anugerah Pilihan Rakyat di 'Asia Pacific ICT Alliance Awards' (APICTA) di Hong Kong pada 6 Disember 2023.

Pencapaian seterusnya termasuk memenangi tempat kedua dalam Trek Inovasi di Pertandingan Serantau ICT dengan kerjasama Huawei dan ASEAN Foundation di Jakarta pada 18 April 2024.

Pada 26 Mei 2024, projek tersebut mendapat tempat pertama dalam Trek Inovasi di Huawei Pertandingan Akhir ICT Antarabangsa di Shenzhen, China.

Baru-baru ini, impak projek ini telah disahkan lagi dengan memenangi BICTA 2024 pada 3 Julai 2024 dalam Kategori Penyelidikan dan Pembangunan, dan sekali lagi dipersembahkan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.

Pada akhir sekali, projek ini mendapat tawaran bagi terbitan pada persidangan IEEE yang berprestij dan pembentangan di persidangan 'IEEE International Symposium in Computer and Informatics' (ISCI) Kuala Lumpur, Malaysia pada 10 Ogos 2024, dan mendapat anugerah kertas terbaik, mengetengahkan penyelidikan projek ini yang terperinci.

Pengiktirafan ini adalah bukti potensi dan impak cemerlang projek, menonjol di kalangan banyak penyerahan daripada negara ASEAN dan menyumbang kepada inisiatif serantau yang penting.

KETENGAHKAN TEKNOLOGI INOVATIF, PENYELESAIAN KREATIF TANGANI CABARAN ALAM SEKITAR

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUNGKU, Sabtu, 24 Ogos. - Menyepakat teknologi inovatif dan penyelesaian yang kreatif dalam menangani cabaran alam sekitar merupakan antara yang diketengahkan menerusi projek-projek yang dipamerkan oleh para bakal graduan Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada Pesta Konvoi UTB Ke-9, 2024.

Salah sebuah projek yang dikenali sebagai 'Tanah Maju' dilaksanakan oleh sekumpulan pelajar daripada Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dan Sistem Maklumat antara lain memfokuskan mengenai perkhidmatan analisis tanah dan konsultasi untuk membantu petani meningkatkan hasil tanaman mereka.

Projek berkenaan dikendalikan oleh enam pelajar terdiri daripada Awang Abdul Qur'ainal bin Haji Abdul Mutalip, Awang Lim Liang Hong, Awang Mohammad Aizat bin Haji Mohammad Anas, Awang Muhammad Anaz Adhlizam bin Adanan, Dayang Najiya binti Roslan dan Marilyn Tan Yee Yuen.

Menurut Awang Muhammad Anaz Adhlizam, projek berkenaan telah diusahakan selama beberapa bulan, bermula daripada fasa ujian awal hingga ke tahap prototaip beta.

Tambahnya, projek berkenaan bertujuan untuk memberi solusi pertanian



yang lebih tepat dan berkesan kepada petani kecil-kecilan dengan menggunakan data yang diperoleh daripada analisis tanah.

"Melalui projek ini, kami berharap untuk meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan petani, serta menyumbang kepada pembangunan pertanian yang lebih mampan di negara ini," ujarnya.

Sementara itu, Dayang Nadiya binti Rozman Azmi, pelajar Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Sumber Air dan Alam Sekitar pula mengetengahkan Projek Sustainable Refurbishment of Existing Buildings : Water Conservation yang menekankan tentang pemuliharaan air dalam pengubahsuaian bangunan.

"Bayangkan mengubah sebuah bangunan biasa menjadi sebuah bangunan yang bukan sahaja boleh menjimatkan air tetapi juga mengurangkan penggunaan tenaga dan pelepasan karbon.

"Itulah matlamat projek saya, meneroka cara kita boleh mengubah suai bangunan sedia ada untuk menjadi lebih lestari dengan fokus dalam penjimatan air," ujarnya.

Menurut Dayang Nadiya lagi, projek berkenaan mengambil masa kira-kira satu tahun tiga bulan untuk menghasilkan cadangan (proposal) dan seterusnya membuat penyelidikan.

Tujuan utama projek berkenaan tambahnya, adalah untuk mempromosikan pembangunan lestari dalam bidang pembinaan, terutamanya bagi bangunan sedia ada.

Ini katanya lagi, kerana infrastruktur yang lebih lama sering mempunyai penggunaan air yang lebih tinggi disebabkan oleh teknologi penjimatan air yang ketinggalan zaman atau kekurangan teknologi berkenaan.

"Saya berharap projek ini akan dapat dilaksanakan kerana semua penemuan masih bersifat teori dan saya juga berharap lebih banyak

DAYANG Hajah Safiyyah Aisyah Kamilah binti Haji Mohamad Jaafar, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Reka Bentuk Fesyen dan Teknologi.



PROJEK yang dikenali sebagai 'Tanah Maju' dilaksanakan oleh enam pelajar terdiri daripada Awang Abdul Qur'ainal bin Haji Abdul Mutalip, Awang Lim Liang Hong, Awang Mohammad Aizat bin Haji Mohammad Anas, Awang Muhammad Anaz Adhlizam bin Adanan, Dayang Najiya binti Roslan dan Marilyn Tan Yee Yuen.

teknologi penjimatan air akan dikaji di negara ini untuk masa depan yang lebih hijau," jelasnya.

Manakala seorang lagi bakal graduan yang memamerkan projek beliau pada pameran berkenaan ialah Dayang Hajah Safiyyah Aisyah Kamilah binti Haji Mohamad Jaafar, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Reka Bentuk Fesyen dan Teknologi.

Dengan Projek Fashion Sensitivity and Water Influence in the Sustainability of Brunei Fashion Industry, projeknya menekankan tentang kesan alam sekitar dalam industri fesyen.

Menurut beliau, sensitiviti fesyen mewakili paradigma yang berkembang dalam industri fesyen, merangkumi kesedaran yang semakin meningkat terhadap perimbangan sosial, alam sekitar, dan etika dalam proses reka bentuk, pengeluaran dan penggunaan.

"Dengan mengutamakan kelestarian, ketulusan dan inovasi (seperti modulariti), sensitiviti fesyen berusaha untuk mengurangkan kesan negatif yang berkaitan dengan amalan industri semasa.

"Melalui kajian kesusastraan dan penyelidikan yang menyeluruh, abstrak ini mengkaji sifat pelbagai ciri sensitiviti fesyen dan potensinya untuk mencetuskan perubahan positif.

"Darai mempromosikan konsep fesyen modular kepada menggalakkan kesedaran pengguna, sensitiviti fesyen menawarkan

jalan menuju ekosistem fesyen yang lebih bertanggungjawab dan berdaya tahan," jelasnya lagi.

Dayang Hajah Safiyyah Aisyah Kamilah yang melanjutkan pengajiannya di UTB pada usia 50 tahun mengongsikan bahawa minatnya dalam dunia fesyen timbul sejak beliau masih muda lagi dan menjadi pendorong dalam menceburi perniagaan fesyen.

Mengongsikan perancangannya pada masa hadapan, beliau bercita-cita untuk terus giat berusaha mendidik masyarakat tentang isu-isu semasa, terutama yang berkait rapat dengan dunia fesyen tanah air dan global.

DAYANG Nadiya binti Rozman Azmi, pelajar Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Sumber Air dan Alam Sekitar.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Belia Pencetus Perubahan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Ogos 2024
- 'Awasi Pergaulan Anak-anak'. Tarikh Tutup : 4 September 2024
- 'Tingkat Kesedaran Mengenai Kanser Serviks'. Tarikh Tutup : 11 September 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB350
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"jawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

JBS, CAWANGAN DAERAH TUTONG ANJUR KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA



TUTONG, Ahad, 25 Ogos. - Daerah Tutong anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan

Daerah Tutong diadakan hari ini. Kejohanan tersebut diadakan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Kejohanan Badminton Terbuka Daerah Tutong anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Tutong.

Mohammad Sofian bin Haji Basri pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Pada kejohanan tersebut, muncul johan bagi Kategori Perseorangan Lelaki Terbuka ialah Awang Ahmad bin Haji Abd. Razak. Manakala johan bagi Kategori Berguru Wanita Terbuka disandang oleh Kumpulan Amities iaitu Janey Koh dan Dayang Siti Nurhayati binti Md. Jefri.

Sementara itu, Kumpulan Kapla, Awang Fakhru Ariffin bin Shamsul dan Awang Md. Syafiq Aiman bin Amlie Raime menyandang gelaran johan bagi Kategori Remaja Lelaki 21 Tahun Ke Bawah dan Kategori Beregu Lelaki Terbuka.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyempurnakan

penyampaian hadiah kepada

pemenang ialah Pemangku

Pegawai Daerah Tutong, Awang

Razak. Manakala bagi Kategori

Beregu Lelaki Terbuka diraih

oleh Kumpulan Jotech iaitu Lim

Eng Chai dan Awang Ahmad bin

Haji Abd. Razak.

SMPDSM anjur Acara Familithon



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Ogos. - Lebih 150 peserta menyertai Acara Familithon Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) Mentiri 2024 yang berlangsung pagi tadi

di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pelepasan peserta pada acara tersebut ialah Pengarah

Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Haji Mohammad.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan dan seterusnya Acara Familithon SMPDSM sejauh 3 kilometer bermula dan berakhir

di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Acara yang turut disertai oleh guru-guru dan para pelajar SMPDSM serta keluarga itu merupakan salah satu aktiviti riadah sukan sekolah berkanaan.

PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Haji Mohammad semasa menyertai sesi pemanasan badan pada Acara Familithon Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) Mentiri 2024 (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara yang menyertai SMPDSM 2024.

Selain untuk menyemarakkan suasana Program Bandarku Ceria, acara tersebut juga bertujuan untuk mengumpul kutipan dana bagi keperluan sekolah terutama sekali dalam membantu penuntutan yang berkeperluan di samping menaik taraf dan membaiki beberapa kerosakan kemudahan sekolah. Sementara itu, 10 peratus daripada hasil kutipan akan disumbangkan kepada SMARTER Brunei.

Pasukan RTB johan Perlawan Persahabatan Futsal

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah semasa bergambar ramai bersama pasukan yang ikut serta dalam Perlawan Persahabatan Futsal anjuran Jabatan Penerangan yang berlangsung di Kompleks Sukan Tertutup, Jabatan Kerja Raya (atas). Sementara gambar kiri, antara aksi pada perlawan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Ogos. - Pasukan Radio Televisyen Brunei (RTB) muncul juara dengan meraih 10 mata sekali gus membawa pulang piala rebutan pada Perlawan Persahabatan Futsal anjuran Jabatan Penerangan yang berlangsung di Kompleks Sukan Tertutup, Jabatan Kerja Raya, hari

ini.

Sebanyak lima buah pasukan menyertai perlawan tersebut iaitu Pasukan Penerangan A, Pasukan Penerangan B, Pasukan RTB, Pasukan Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) dan Pasukan Penerangan A meraih tempat kelima.

Pada perlawan tersebut, naib

johan disandang oleh Pasukan Media Kerajaan dan Swasta diikuti oleh Pasukan Penerangan B tempat ketiga manakala tempat keempat ialah Pasukan JAIN dan Pasukan Penerangan A meraih tempat kelima.

Hadir menyaksikan perlawan tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian

hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Antara objektif Perlawan Persahabatan Futsal adalah untuk memperkuuhkan hubungan silaturahim di antara rakan-rakan media dan strategik yang

berkepentingan melalui aktiviti riadah.

Selain itu, ia juga berobjektif untuk mempertingkatkan pertukaran dan percambahan fikiran melalui pelbagai aktiviti yang bersesuaian serta membina jaringan kerjasama dan persefahaman yang lebih kukuh di samping ke arah warga sihat.

KEJOHANAN GOLF TINGKAT DAYA SAING, KESIHATAN JASMANI



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kanan), manakala gambar atas, antara yang menyertai Kejohanan Golf sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Ke-40.

MENTIRI, Sabtu, 24 Ogos. - Muhd. Irwan bin Haji Abd. Hamid diumumkan sebagai juara keseluruhan 'Overall Champion' dengan mengumpul 66 mata pada Kejohanan Golf sempena Sambutan Hari Puja Usia Pertubuhan Ukur dan Jurutera Arkitek (PUJA) Ke-40 yang berlangsung di Kelab Golf Pantai Menteri, di sini.

Sementara itu, juara keseluruhan 'Overall Nett' dimenangi Dato'

Paduka Sheikh Adnan bin Sheikh Mohammad dengan mengumpul 71 mata.

Bagi Kategori Division A Nett : (0 - 9) pula, juara disandang oleh Awang Haswandi bin Haji Paun, dengan mengumpul 67 mata. Manakala juara bagi Kategori Division B Nett : (10-18) dimenangi oleh Young Ren Wee, dengan mengumpul 67 mata. Sementara Awang Haji Zulraimi bin Johari

pula muncul juara bagi Kategori Division C Nett : (19 - 24) dengan mengumpul 72 mata.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Kejohanan anjuran PUJA tersebut disertai seramai 74 peserta dari dalam dan luar negara yang antara



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ihsan Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek

lain bertujuan bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Puja Usia PUJA Ke-40.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan tahap disiplin,

daya saing dan kesihatan jasmani dalam kalangan Ahli-ahli PUJA melalui sukan sekali gus memupuk semangat harmoni dan silaturahim dalam kalangan para peserta.

Brunei DPMM FC tewaskan Geylang International FC

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Tangkap Layar Instagram Singapore Premier League



BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 24 Ogos. - Pasukan Brunei DPMM FC berjaya menumpaskan Geylang International FC dengan jaringan 4 - 2 pada perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) 2024 yang berlangsung di Jalan Besar Stadium, Singapura, hari ini.

Pada separuh masa pertama perlawanan, menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun Brunei DPMM FC lebih bijak mengatur serangan dan akhirnya berjaya menjaringkan gol pertama menerusi pemain sayap yang berasal dari Portugal, Miguel Oliveira seawal minit ke-5.

Brunei DPMM FC sekali lagi mengejutkan pihak lawan, Geylang International FC apabila gawang pasukan itu dibolosi pada minit ke-32 oleh Julio Cruz dan minit ke-38 oleh Hakeme Said.

Sementara dalam babak kedua perlawanan pula menyaksikan Brunei DPMM FC dengan selesa mengawal permainan dan berjaya menjaringkan gol keempat mereka

menerusi Hakeme Said pada minit ke-62.

Namun, Geylang International FC tidak berputus asa dan terus bijak mengatur serangan dan berjaya menghadiahkan gol pertama dan kedua mereka melalui Tomoyuki Doi pada minit ke-64 dan

minit ke-66. Keputusan perlawanan kekal 4 - 2 sehingga ke wisel penamat.

Pada perlawanan seterusnya, Brunei DPMM FC akan menentang Tanjong Pagar United pada 31 Ogos 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Geylang International FC yang berlangsung di Jalan Besar Stadium, Singapura (atas dan kiri).

PPDB juara Kejohanan Bola Jaring

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Sabtu, 24 Ogos. - Jawatankuasa Sambutan Penubuhan Polis Wanita Ke-50 Tahun yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Sukan baru-baru ini mengadakan Kejohanan Bola Jaring sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita di Stadium Hassanil Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Pasukan-pasukan yang mengikuti kejohanan berkenaan terdiri daripada agensi-agensi penguat kuasa undang-undang, iaitu Biro Kawalan Narkotik (BKN), Biro Mencegah Rasuah (BMR), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dan Pejabat Peguam Negara termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Pasukan PPDB muncul juara kejohanan setelah mengalahkan pasukan dari BKN pada perlawanan akhir dengan jaringan 4 - 13. Manakala Pejabat Peguam Negara mendapat tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah pada kejohanan berkenaan, Pemangku Komandan Pusat Latihan Polis, Pengguna Polis Hajah Mariyani binti Haji Abd. Wahab.

Matlamat utama Kejohanan Bola Jaring berkenaan ialah untuk mengeratkan silaturahim di samping meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi penguat kuasa undang-undang selain mewujudkan semangat kesukanan serta persaingan yang sihat.



PASUKAN yang menyertai Kejohanan Bola Jaring sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita semasa bergambar ramai.



ePaper Pelita Brunei



CLSB TINGKATKAN PENGHAYATAN SEJARAH BRUNEI



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa merasmikan Program Cabaran Larian Sejarah Brunei (CLSB) 2024.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Ogos.
- Sebanyak 42 kumpulan, masing-masing terdiri daripada tiga ahli menyertai Program Cabaran Larian Sejarah Brunei (CLSB) 2024, yang bermula dan berakhir di Pusat Sejarah Brunei (PSB), di sini.

Program anjuran PSB dengan kerjasama

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) ini bertujuan untuk menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai *one stop centre* bagi sejarah dan warisan; dan sebagai menyahut usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam mendukung

Kempen Kejohanan BN on The Move 2024 diungkayahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Dianjurkan buat kali ketiga, program ini merupakan aktiviti tahunan PSB yang mana ia membawa konsep *knowledge, healthy lifestyle and fun* bertemakan 'Belajar Sejarah Inspirasi Masa Depan'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfah dan Pemangku Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh.

Acara dimulakan dengan sesi senamrolik kemudian diikuti dengan lafaz perasmian larian disempurnakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Format bagi cabaran ini mengikuti konsep Amazing Race yang menumpukan kepada Sejarah Brunei dan setiap pasukan diberikan masa tiga jam untuk menyelesaikan soalan pembayang dalam bahasa Melayu sahaja.

Kumpulan 031 dianggotai oleh Md. Najmuddin bin Mohamad, Md. Rusydi bin Haji Yusly dan Mohd. Nor Hafiz bin Haji Abdul Wahab muncul juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND900, pingat, sijil dan keahlian percuma selama sebulan di Fitness Zone.

Naib johan disandang oleh Kumpulan 035 terdiri daripada Md. Danny bin Aussry,

Mastani bin Md. Yussop dan Lau Soon Hau membawa pulang hadiah BND600, pingat, sijil dan keahlian percuma selama sebulan di Fitness Zone.

Kumpulan 002 dianggotai oleh Md. Izzat bin Haji Md. Azmi, Md. Hanif bin Haji Awang Jaafar dan Abdul Qawi bin Haji Zulkiple pula memenangi tempat ketiga dan menerima hadiah wang tunai BND400, pingat, sijil dan keahlian percuma selama sebulan di Fitness Zone.

Manakala tempat keempat menerima hadiah BND200, sementara tempat kelima hingga ke-10 menerima BND100. Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Program CLSB 2024 turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya cabutan bertuah; sesi bersama Izz Ibrahim dan Shom'D; gerai makanan dan minuman; Pertandingan e-Sport; Pameran Kereta oleh Kelab Sahabat Mercedes Benz Darussalam (SMBD); Permainan Go-Kart; dan Permainan Bouncer.

Antara objektif CLSB 2024 diadakan ialah untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan masyarakat, khususnya generasi belia terhadap kepentingan sejarah serta warisan budaya di samping mempromosi Bandar Seri Begawan sebagai bandar yang mempunyai monumen bersejarah yang menarik untuk diperkenalkan.

Dalam masa yang sama, ia mendorong masyarakat untuk menjadi lebih kreatif dalam menyampaikan dan menyalur maklumat persejarahan Brunei melalui pelbagai kaedah.

bagi Pusat Ehsan, larian itu juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kesihatan dan mempromosikan kecergasan fizikal dalam kalangan peserta.

Dengan menderma sebahagian daripada hasil acara ini kepada organisasi tersebut, ANTA Brunei berhasrat untuk menyokong program pendidikan, pemulihan, dan meningkatkan kualiti hidup para penerima. Gabungan aktiviti fizikal dan sumbangan amal melalui Larian Amal ANTA turut memupuk semangat komuniti dan kesejahteraan.

Pelbagai aktiviti menarik telah diungkayahkan bagi orang ramai pada acara tersebut termasuk sesi pemeriksaan kesihatan dan konsultasi dengan profesional kesihatan secara percuma dari MXE Healthcare dan Klinik Dr. Amir; jualan dari gerai makanan sihat, dan sesi cabutan bertuah dengan hadiah yang menarik.

Terdahulu, acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan yang diketuai oleh pakar kecergasan dan sesi bergambar ramai.

Dengan adanya aktiviti atau program seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap agar orang awam akan dapat membantu pihak PPK dan pihak yang berkepentingan dalam sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, penyakit jantung, kanser dan sebagainya, dengan mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat kepada semua peringkat umur.

Di samping itu, ia juga diharap agar dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang awam mengenai kepentingan menjaga kesihatan diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling.

Lebih 400 peserta sertai Larian Amal ANTA



SETIAUSAHA Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Larian Amal ANTA (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang ikut serta pada larian tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Ogos.
- Larian Amal ANTA di bawah Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL) berjaya meraih sumbangan berjumlah BND10,000 untuk disalurkan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), sebuah badan amal yang memainkan peranan

penting dalam menyokong individu dengan keperluan khas.

Larian amal anjuran ANTA Brunei dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, Pusat Perubatan Gleneagles Jerudong Park (GJPMC) Sendirian Berhad, dan Pusat Ehsan itu diadakan pagi tadi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara bersempena Program Bandarku Ceria.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Lebih 400 peserta telah mendaftar bagi mengikuti acara larian berkenaan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Larian 3 Kilometer dan juga 5 Kilometer.

Selain mengumpul dana yang signifikan

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSIKAP POSITIF, LAKUKAN YANG TERBAIK SEMASA MEMBUAT PEKERJAAN